

## SUSUNAN II

### Pengukuran untuk pecah bahagi bangunan

Susunan ini merangkumi pecah bahagi bangunan untuk pengukuran hakmilik strata di bawah Akta Hak milik Strata 1985 dan bayaran fi yang kena dibayar ke atasnya.

1. Pengukuran tanah untuk perakuan seperti yang diperlukan oleh seksyen 9(a) Akta Hakmilik Strata 1985.

<i>Keluasan</i>	<i>Kadar (RM)</i>
(a) 200 meter persegi dan ke bawah	1,500.00
(b) Bagi keluasan tambahan melebihi 200 meter persegi	1.00 setiap meter persegi
(c) Fi perakuan	1,500.00

2. Pecah lot bangunan kepada petak atau petak aksesori:

<i>Keluasan lantai petak atau petak aksesori</i>	<i>Maksud kediaman (RM)</i>	<i>Maksud lain (RM)</i>
(a) 100 meter persegi dan ke bawah	200.00 bagi setiap petak	300.00 bagi setiap petak
(b) Mana-mana keluasan tambahan melebihi 100 meter persegi	2.50 bagi setiap meter persegi	3.50 bagi setiap meter persegi
(c) Mana-mana harta bersama yang perlu diukur dengan tujuan untuk ditunjukkan atas pelan	2.00 bagi setiap meter persegi	2.00 bagi setiap meter persegi

3. Pengukuran semula petak dan penyediaan semula pelan berikutan perubahan kepada pelan bangunan:

Caj asas sebanyak RM1,000.00 untuk setiap kerja termasuk 50% daripada kadar di bawah

perenggan 2.

4. Blok sementara:

- (a) hitungan dan penyediaan pelan untuk memastikan bahawa blok sementara adalah dalam kawasan lot: RM300.00 bagi setiap blok
- (b) caj pengukuran untuk blok sementara hendaklah seperti yang diberikan di bawah Susunan I. Blok sementara yang dinyatakan di sini dianggap sama nilai dengan suatu lot seperti dalam Susunan I.

5. Caj bagi pengukuran bagi peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti.

6. Jika data pengukuran diperlukan untuk pengemukaan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah subperenggan (a) dan (b) perenggan 1, perenggan 2, perenggan 3 dan subperenggan (b) perenggan 4 Susunan II adalah terpakai.

7. Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.